

89 kes baharu, 2 kematian, 1 kluster baharu

Covid-19 merebak ke seluruh negara

UTUSAN MALAYSIA (01/10/2020) M1504

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 kini merebak semula ke setiap negeri di Semenanjung dengan Kedah mencatat 13 kes baharu dan satu kluster baharu iaitu Kluster Tembok dengan tiga kes manakala Selangor mencatat 10 kes daripada keseluruhan 89 kes baharu semalam.

Dua kematian turut direkodkan.

Johor catat lapan kes, Kuala Lumpur (enam), Sarawak (empat) dan Terengganu (tiga), manakala Kelantan, Perlis dan Pahang masing-masing mencatatkan dua kes selain satu kes di Pulau Pinang, Perak, Labuan dan Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, kebanyakan kes adalah daripada saringan pulang dari Sabah.

"Sebanyak 25 kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sekali gus menjadikan jumlah kes berkaitan itu adalah sebanyak 88 kes sejak 20 September lalu," katanya dalam laporan harian kes jangkitan Covid-19, di sini semalam.

Beliau memberitahu, terdapat sembilan kes daripada Kluster Bangau-Bangau dan empat kes daripada Kluster Benteng LD di Sabah, satu kes dari Kluster Sungai, Kedah serta tujuh kes daripada Kluster Bakawali di Johor.

"Berhubung Kluster Tembok, kes indeks kluster ini adalah seorang lelaki warganegara dan merupakan kes kematian ke-135 yang telah dilaporkan hari ini.

"Saringan Covid-19 kes indeks



NOOR HISHAM ABDULLAH

didapati positif pada 28 September 2020. Susulan itu, saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua lagi kes positif bagi Kluster Tembok dikenal pasti melibatkan dua warganegara," katanya.

Noor Hisham berkata, kes kematian hari ini merupakan lelaki warganegara di Kedah berumur 46 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, jantung dan buah pinggang.

Katanya, satu lagi kes kematian juga merupakan lelaki warganegara berumur 70 tahun di Sabah yang mempunyai latar belakang penyakit barah peringkat akhir.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, kementerian telah menggerakkan pasukan bantuan ke Tawau, Lahad Datu,

Semporna, dan Kunak, Sabah bagi membantu menangani penularan Covid-19.

Katanya, KKM juga menggerakkan pasukan bantuan secara berperingkat dari Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung Malaysia bermula 23 September lalu.

Menurut beliau, mulai bulan ini, sejumlah 140 pegawai perubatan dan 225 orang penolong pegawai perubatan ditempatkan di Jabatan Kesihatan Sabah.

"Selain itu, seramai 10 pegawai sains mikrobiologi dan lima lima juruteknologi makmal (JTM) dihantar ke Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas dan Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu," katanya.